

# Lost Horizon: Jangan buat rumusan sendiri mengenai EIA



U.M. 5 OCT 1991

KUALA LUMPUR 4 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta orang-orang yang tidak ditugaskan untuk membuat kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) berhubung projek pembangunan di Kampung Kemensah, dekat Zoo Negara, supaya jangan membuat rumusan sendiri.

Beliau berkata, rumusan orang-orang ini tidak boleh dijadikan panduan dalam mengambil kira sama ada projek itu boleh mengakibatkan pencemaran atau tidak.

"Kadangkala memang ada perasaan tidak puashati oleh orang-orang tertentu yang mungkin mempunyai kepentingan lain yang sanggup menggunakan isu alam sekitar untuk sesuatu tujuan tertentu," katanya selepas upacara memecah tanah Menara Kuala Lumpur di Bukit Nanas di sini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas isu projek pembangunan di Kampung Kemensah, dekat Zoo Ne-

gara, yang menjadi perdebatan hangat sejak akhir-akhir ini.

Beliau berkata, adalah menjadi undang-undang di negara ini, sesuatu projek itu hanya boleh diteruskan jika laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) menunjukkan ia tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada alam sekitar.

Beliau menegaskan, dalam semua pembangunan, apa yang penting dan perlu diambil perhatian serius adalah laporan EIA yang diluluskan oleh pakar-pakar.

"Ada undang-undang di negara ini yang memerlukan laporan EIA dan selagi tiada nasihat atau laporan EIA, pembangunan tidak boleh diadakan," katanya.

Projek pembinaan padang golf 18 lubang dan kondominium itu telah menjadi isu kontroversial apabila Zoo Negara mendakwa ia boleh menjejaskan mutu alam sekitar di kawasan berkenaan khususnya Zoo Ne-

gara.

Perdana Menteri berkata: "Saya fikir apa yang penting ialah pembangunan di mana juga di negara ini perlu mengambil kira keadaan alam sekitar."

"Sama ada projek itu boleh diteruskan tetap terpulang kepada laporan EIA dan sama ada ia diluluskan mengikut undang-undang negara atau tidak," tambahnya.

Beliau menasihatkan supaya semua pihak yang terlibat menunggu laporan EIA berhubung dengan projek tersebut.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib semalam menjelaskan, laporan EIA yang dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 12 Julai lalu sedang dikaji dengan teliti.

Beliau menambah, adalah menjadi amalan biasa, kajian EIA dibuat setelah projek yang bakal dilaksanakan memperolehi kelulusan daripada kerajaan.